

## KEPUTUSAN AWAL KAJIAN UNIVERSITI KATOLIK DI CHILE MENUNJUKKAN DOS PENGGALAK VAKSIN COVID-19 SINOVAC AKTIFKAN IMUNITI SELULAR TERHADAP VARIAN OMICRON

**SHAH ALAM, 1 JANUARI 2022** – Saintis di Chile telah mengumumkan<sup>1</sup> keputusan awal kajian telah menunjukkan dos penggalak vaksin COVID-19 Sinovac boleh mengaktifkan imuniti selular terhadap varian Omicron, ke atas subjek yang menerima dua dos vaksin primer yang sama sebelum ini.

Kajian yang sedang dijalankan oleh Universiti Katolik Pontifikal di Chile (UC) itu diketuai oleh Profesor Dr. Alexis M. Kalergis, Pengarah Institut Milenium Immunologi dan Immunoterapi. Objektif kajian itu adalah untuk menilai sama ada imuniti yang diaktifkan oleh dos penggalak vaksin COVID-19 Sinovac dapat mengenal pasti varian baharu, Omicron.

Menurut Dr. Alexis, mereka yang disuntik dengan dos penggalak vaksin COVID-19 Sinovac mempunyai sel T yang diaktifkan menentang varian Omicron, dengan cara yang sama seperti strain asal. Ini menunjukkan bahawa vaksin itu mengandungi antigen yang terdapat dalam varian Omicron.

Beliau menambah bahawa hasil kajian menunjukkan bahawa apabila limfosit T bergabung dengan varian Omicron, ia mampu menghasilkan interferon gamma yang berkeupayaan membunuh virus berbahaya itu.

Dr. Susan Bueno, Pengarah Akademik dan Saintifik UC bagi Kajian Saintifik-Klinik CoronaVac di Chile berkata, "Kemungkinan besar pengecaman sebahagian varian ini telah menyumbang kepada keberkesanan vaksin di kalangan populasi, walaupun terdapat varian-varian yang tersebar di Chile. Data populasi menunjukkan bahawa vaksin COVID-19 Sinovac telah berfungsi dengan baik setakat ini untuk mengawal varian yang baru muncul."

Sementara itu, penyelidik di Chile juga sedang menjalankan kajian tindak balas antibodi terhadap varian baharu ini dalam kerjasama antara Universiti Katolik, Universiti Chile, Institut Immunologi La Jolla di California (AS) dan Sinovac di China.

Varian COVID-19 Omicron (B.1.1.529) baharu yang boleh membawa maut ini telah dikenal pasti di Afrika Selatan, Eropah dan juga di Asia. Ia menimbulkan kebimbangan di seluruh dunia memandangkan keupayaan bilangan mutasi dan penyebaran yang lebih pantas, malah mengelak antibodi yang terhasil daripada jangkitan virus atau vaksinasi sebelumnya.

<sup>1</sup> <https://www.emol.com/noticias/Nacional/2021/12/24/1042099/estudio-uc-sinovac-omicron.html>

UNTUK SIARAN SEGERA

SIARAN MEDIA

Suntikan penggalak vaksin COVID-19 Sinovac telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (DCA) dan boleh didapati di klinik kesihatan kerajaan dan swasta yang terpilih. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi [askme@pharmaniaga.com](mailto:askme@pharmaniaga.com).

Pharmaniaga adalah sayap perniagaan farmaseutikal untuk Kumpulan Boustead Holdings Berhad dan bersama-sama LTAT, merupakan pemegang-pemegang saham utama Syarikat.

-TAMAT-

**MENGENAI PHARMANIAGA BERHAD**

Pharmaniaga Berhad adalah ahli Kumpulan Boustead dan merupakan sebuah syarikat perkhidmatan kesihatan bersepadu yang terbesar di Malaysia. Tersenarai di Bursa Malaysia, teras perniagaan Kumpulan Pharmaniaga adalah logistik dan pengedaran produk farmaseutikal; pembuatan produk farmaseutikal generik dan peranti perubatan; pemasaran dan jualan; penyelidikan dan pembangunan; pembekal dan pemasangan peralatan perubatan, serta farmasi komuniti. Dengan kekuatan dan kepakaran merentasi rangkaian perkhidmatan kesihatan, operasi perniagaan Kumpulan Pharmaniaga berkembang teguh di Malaysia dan meluaskan pasaran dengan membina tapak di Indonesia dan Vietnam, sekaligus mengukuhkan kedudukan syarikat sebagai peneraju serantau dalam arena farmaseutikal antarabangsa.

**Dikeluarkan untuk Kumpulan Pharmaniaga oleh Jabatan Komunikasi Korporat, Pharmaniaga Berhad. Untuk sebarang pertanyaan, hubungi Dato' Zuhri Iskandar Kamarzaman di talian 03 3342 9999 sambungan 434 atau melalui emel [zuhri@pharmaniaga.com](mailto:zuhri@pharmaniaga.com)**